

Tetapi bukankah perkataan *mawla* bermaksud kawan?

Walaupun sebilangan besar ulama Sunni dari setiap zaman dan dari semua pendapat telah mengesahkan peristiwa tersebut serta kata-kata bersejarah Nabi (s), mereka mendapati sukar untuk menyesuaikan dengan apa yang berlaku selepas kewafatan baginda (s). Ianya diluar skop dokumen pendek ini untuk memperincikan insiden tersebut. Isi penting ialah ramai ulama Sunni mengatakan bahawa Nabi (s) hanya sekadar ingin mengisytiharkan 'Ali (a) sebagai kawan dan pembantu kepada kaum Muslim!

Terdapat banyak aspek terhadap peristiwa ini yang menunjukkan bahawa ianya lebih bermakna. Penurunan beberapa ayat al-Quran, perhimpunan besar-besaran, peringkat akhir hayat Rasulullah, pengesahan oleh orang ramai bahawa Nabi (s) lebih mempunyai autoriti, diikuti ucapan tahniah oleh 'Umar serta banyak lagi factor yang sukar untuk diliputi dalam dokumen pendek ini, semuanya menunjukkan peristiwa tersebut sebagai satu peralihan pengganti oleh Nabi (s). Adalah satu bukti bahawa perkataan *mawla* digunakan dalam erti kata autoriti sepenuhnya selepas Nabi (s) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penguasaan sementara.

Kata-kata Akhir

Jika masih terdapat keraguan terhadap kepentingan sejarah kepada kenyataan ini dan usaha sebahagian individu untuk menutupinya, jadikanlah ini sebagai kata-kata akhir:

Apabila Imam 'Ali (a), semasa zaman kekhalifahannya dan beberapa dekad selepas peristiwa Ghadir, berkata kepada Anas bin Malik, sahabat Nabi (s): "Mengapa kamu tidak bangun dan mempersaksikan apa yang kamu dengar dari Pesuruh Allah pada hari Ghadir?" Dia menjawab, "Ya Amir al-Muminin! Aku telah meningkat usia dan tidak mengingatnya." Setelah itu 'Ali (a) berkata: "Semoga Allah menanda kamu dengan bintik putih (kusta) yang tidak dapat dilindungi oleh turban kamu, jika kamu dengan sengaja menyembunyikan kebenaran." Dan sebelum sempat Anas bangun dari tempatnya dia mendapat bintik putih besar di mukanya."

- Ibn Qutaybah al-Dinawari, *Kitab al-Ma'arif*, (Cairo, 1353 AH), m.s 251
- Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, jilid 1, m.s 119
- Abu Nu'aym al-Isfahani, *Hilyat al-Awliya'*, (Beirut, 1988), jilid 5, m.s 27
- Nur al-Din al-Halabi al-Shafi'i, *al-Sirah al-Halabiyya*, jilid 3, m.s 336
- Al-Muttaqi al-Hindi, *Kanz al-'Ummal*, (Halab, 1969-84), jilid 13, m.s 131

Untuk mendapatkan informasi terperinci berkenaan peristiwa Ghadir Khumm, layari:

<http://al-islam.org/ghadir/>

Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharaku dari (kejahatan) manusia
(Qur'an: Surah 5, Ayat 67)

Adakah Nabi (s) melantik penggantinya?

Syiah mempercayai bahawa penyampaian yang disebut oleh ayat al-Quran telah dilaksanakan oleh Nabi (s) apabila baginda melantik Imam 'Ali bin Abi Talib (a) sebagai penggantinya pada hari Ghadir Khumm.

Apa yang berlaku pada hari Ghadir Khumm?

Ghadir Khumm ialah suatu tempat beberapa batu dari Mekah dalam perjalanan ke Madinah. Apabila Nabi (s) melalui kawasan ini pada 18 Dhu'l Hijjah (10 Mac 632) ketika perjalanan pulang dari Haji Wida', ayat "*Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan...*" telah diturunkan. Oleh itu Baginda berhenti untuk membuat pengumuman kepada jemaah haji yang menemani baginda dari Mekah dan mereka yang akan berpecah dari persimpangan tersebut ke destinasi masing-masing. Dengan perintah baginda (s) sebuah mimbar istimewa dibuat dari dahan pokok telah dibina untuk baginda. Selepas solat zohor Nabi (s) naik ke atas mimbar tersebut dan membuat khutbah terakhir kepada perhimpunan terbesar sebelum kewafatan baginda tiga bulan kemudian.

Bahagian kemuncak dalam khutbah baginda ialah apabila, sambil mengenggam tangan Imam 'Ali (a), Nabi (s) bertanya kepada pengikutnya adakah baginda mempunyai autoriti (awla) terhadap para mukmin. Orang ramai berteriak dalam satu suara: "Ya, wahai Rasul Allah".

Kemudian baginda mengisytiharkan: "**Sesiapa yang mana aku adalah ketua (*mawla*) mereka, 'Ali juga adalah ketua (*mawla*). Ya Allah, pimpinlah mereka yang menjadikannya sebagai pemimpin, dan musuhilah mereka yang memusuhinya.**"

Sejurus selepas Nabi (s) selesai berucap, ayat Qur'an berikut telah diturunkan:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.
(Qur'an 5:3)

Selepas khutbah baginda, Nabi (s) meminta semua orang member baiat kepada 'Ali (a) dan mengucapkan tahniah kepadanya. Di antara mereka yang melakukannya adalah 'Umar bin al-Khattab, yang berkata: "Tahniah Ibn Abi Talib! Hari ini kamu telah menjadi ketua para mukmin."

Seorang Arab, setelah mendengar peristiwa Ghadir Khumm, mendatangi Nabi (s) dan berkata: "Kamu menyuruh kami untuk mengaku bahawa tiada tuhan selain Allah dan kamu adalah pesuruhNya. Kami mematuhiNya. Kamu menyuruh kami melakukan solat lima waktu, kami mematuhiNya. Kamu menyuruh kami berpuasa sepanjang bulan Ramadhan dan kami mematuhiNya. Kemudian kamu menyuruh kami melaksanakan haji ke Mekah dan kami mematuhiNya. **Tetapi kamu tidak berpuas hati dengan semua ini dan kamu mengangkat tangan sepupumu dengan tanganmu dan mempertanggungjawabkan dia sebagai ketua kami dengan berkata 'Ali adalah *mawla* kepada sesiapa yang aku adalah *mawla*.'** Adakah ini dari Allah atau dari kamu?" Nabi (s) menjawab: "Demi Allah yang tiada tuhan selainnya! Ini adalah dari Allah, yang Maha Kuasa lagi Maha Agung."

Mendengar jawapan tersebut lelaki itu berpaling dan menuju ke arah untanya sambil berkata: "Ya Allah! Jika apa yang Muhammad katakana adalah benar maka datangkan lah kepada kami batu dari langit dan datangkanlah kepada kami azab yang pedih." Dia tidak sempat untuk sampai kepada untanya apabila Allah menjatuhkan seketul batu yang mengenai kepalanya menembusi badannya lalu langsung mati. Berkenaan dengan peristiwa ini Allah menurunkan ayat berikut:

Salah seorang (dari kalangan orang-orang kafir Makkah, secara mengejek-ejek meminta kedatangan azab yang (dijanjikan) akan berlaku. Azab yang disediakan untuk orang-orang yang kafir, yang tidak ada sesiapa pun dapat menolak kedatangannya, dari Allah yang menguasai tempat-tempat turun naik. (Qur'an 70:1-3)

Adakah ulama Sunni menganggap peristiwa ini autentik?

Bilangan pihak Sunni yang meriwayatkan peristiwa ini, sama ada secara terperinci atau secara rumusan adalah sangat ramai! Peristiwa bersejarah ini telah diriwayatkan oleh 110 sahabat Nabi (s), 84 Tabi' Tabi'in serta beratus-ratus ulama dunia Islam, dari masihi pertama sehingga masihi ke empat belas AH (tujuh ke dua puluh masihi CE).

Statistik berikut hanya mengandungi periwayatan yang muncul dalam hadis yang direkodkan oleh ulama Sunni!

Sebahagian kecil daripada sumber berikut disenaraikan di bawah. Kebanyakan ulama berikut bukan sahaja memetik deklarasi Nabi (s) tetapi juga mengatakannya autentik:

- ❑ al-Hakim al-Naysaburi, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn* (Beirut), jilid 3, m.s 109-110, m.s 133, m.s 148, m.s 533. Beliau dengan jelas menyatakan bahawa hadis tersebut *sahih* mengikut kriteria al-Bukhari dan Muslim; al-Dhahabi telah mengesahkan pendapat beliau.
- ❑ al-Tirmidhi, *Sunan* (Cairo), jilid 5, m.s 633
- ❑ Ibn Majah, *Sunan*, (Cairo, 1952), jilid 1, m.s 45
- ❑ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, (Beirut, 1988), jilid 7, m.s 61
- ❑ Al-'Ayni, *Umdat al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, jilid 8, m.s 584
- ❑ Ibn al-'Athir, *Jami' al-'usul*, i, 277, no. 65;
- ❑ Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, jilid 2, m.s 259 dan m.s 298
- ❑ Fakhr al-Din al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, (Beirut, 1981), jilid 11, m.s 53
- ❑ Ibn Kathir, *Tafsir Qur'an al-'Azim*, (Beirut), jilid 2, m.s 14
- ❑ Al-Wahidi, *Asbab al-Nuzul*, m.s 164
- ❑ Ibn al-'Athir, *Usd al-Ghaba fi Ma'rifat al-Sahaba*, (Cairo), jilid 3, m.s 92
- ❑ Ibn Hajar al-'Asqalani, *Tahdhib al-Tahdhib*, (Hyderabad, 1325), jilid 7, m.s 339
- ❑ Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, (Cairo, 1932), jilid 7, m.s 340, jilid 5, m.s 213
- ❑ Al-Tahawi, *Mushkil al-Athar*, (Hyderabad, 1915), jilid 2, m.s 308-9
- ❑ Nur al-Din al-Halabi al-Shafi'i, *al-Sirah al-Halabiyya*, jilid 3, m.s 337
- ❑ Al-Zurqani, *Sharh al-Mawahib al-Ladunniyya*, jilid 7, m.s 13